

# SYAHADAN

MENYINGKAP LIMA NILAI-NILAI  
MURNI UNTUK SUKSES

*Inspirasi*

Mohd Azraai Kassim

PENERBIT  PRESS  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© Penerbit UiTM, UiTM 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. E-mel: [penerbit@salam.uitm.edu.my](mailto:penerbit@salam.uitm.edu.my)

Penerbit UiTM adalah anggota  
**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

SYAHADAN:  
Menyingkap Lima Nilai-nilai Murni untuk Sukses  
ISBN 978-967-363-609-9

Printed in Malaysia by: Pusat Percetakan UiTM  
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Malaysia

# Kandungan

<i>Prakata</i>	ix
<b>BAB 1 : NILAI ILMU</b>	1
<b>Anekdote I</b>	2
<i>"Malaslah! Aku nak sambung tidur!"</i>	
<b>Anekdote II</b>	13
<i>"Mengaji kau dah juzuk berapa?"</i>	
<b>Anekdote III</b>	22
<i>"Dia memasak muka dan berpaling. Kerana dia didatangi orang buta."</i>	
<b>BAB 2 : NILAI DISIPLIN</b>	33
<b>Anekdote I</b>	34
<i>"Bau Kedai"</i>	
<b>Anekdote II</b>	45
<i>"Annyeonghaseyo!"</i>	
<b>Anekdote III</b>	57
<i>"Malulah engkau pada rumput tu"</i>	
<b>BAB 3 : NILAI AMANAH</b>	67
<b>Anekdote I</b>	68
<i>"Hari Gaji"</i>	
<b>Anekdote II</b>	79
<i>"Mana aku nak letakkan air mukaku?"</i>	
<b>Anekdote III</b>	91
<i>"Toyol"</i>	

# Prakata

Syahadan, orang dulu-dulu amat menghormati nilai-nilai murni, alam dijadikan teman buat panduan menyuluh jalan. Orang dulu-dulu, nilai murni sentiasa acap dititipkan, nilai murni juga sentiasa dihadapankan, semuanya itu dilakukan demi kelangsungan anak watan. Nilai murni bukanlah sesuatu yang boleh direktorikkan, padah jawabnya kalau ianya dipermainkan. Orang dulu-dulu pantang sama sekali nilai murni itu dipersendakan apatah lagi mahu dirobek-robekkan. Nilai murni ini adalah sesuatu yang perlu dipasakkan, ditusukkan dan disebatkan dalam jiwa setiap generasi. Bermula dari usaha yang kecil agar ianya suatu hari akan menjadi sesuatu yang besar maknanya. Bermula dengan usaha yang bertatih tatih suatu ketika akan nampak arusnya. Usaha menitipkan nilai dalam kalangan masyarakat diakui tidak mudah namun diyakini tidak juga mustahil. Apa yang Allah SWT lihat adalah usaha kita, hasilnya Allah yang tentukan. Bermulanya penulisan buku ini adalah hasil cetusan ilham Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim. Terimalah sebuah catatan dalam perjalanan menuju ke negeri yang abadi. Mudah-mudahan apa yang dicoretkan mampu memberikan gelombang besar dalam hidup kita.

*Editor*

*September 2019*



Shah dan Amir adalah rakan sebilik di sebuah universiti tempatan dan mereka kini dalam tahun kedua. Walaupun hampir empat semester bersama dan bersahabat, tetapi ada satu perkara yang Shah tidak berkenan dengan sikap Amir yang malas ke kelas. Sudah beberapa kali Amir ponteng kelas dan beberapa kali juga Shah menegur sikap Amir namun, semuanya tidak dihiraukan olehnya.

“Amir, kau tak pergi kelas ke hari ni?” Shah menegur Amir yang sedang baring.

“Err... tengoklah kalau aku rasa rajin, aku pergilah,” jawab Amir, malas.

“Aku tengok kau ni kerap sangat ponteng kelas terutama sekali kelas Dr. Nawi. Kenapa eh? Kau tak risau ke banyak sangat ponteng kelas dan banyak benda yang kau tak belajar.” Shah menyuarakan kerisaunnya kepada Amir.

“Aku tak sukalah dengan Dr. Nawi tu! Asyik membebel aje. Minggu lepas aku kena marah dengan dia. Lepas tu, dok bersyarah macam-macam.